


SPESIFIKASI TEKNIKAL

SEBUTHARGA BIL. 13/2019: PENAMBAHBAIKAN SISTEM SME INTEGRATED PLAN OF ACTION ONLINE (SMEIPA ONLINE) DAN SME CENTRAL INCENTIVES SYSTEM (SCenIc) FASA II

1. OBJEKTIF

- 1.1. **Platform Tunggal** - dengan wujudnya platform tunggal ini, segala pengurusan maklumat, perincian dan pelaporan berhubung program pembangunan PKS di Malaysia termasuk profil penerima bantuan kerajaan dapat diakses secara *single sign-on*.
- 1.2. **Tambahbaik Fungsi dan Pelaporan** - terdapat keperluan bagi menambah baik fungsi modul sedia ada di samping penambahan fungsi baharu bagi kedua-dua sistem; dan
- 1.3. **Peningkatan Keselamatan** - mengurangkan risiko ancaman siber dan serta meningkatkan keselamatan sistem.
- 1.4. Kurangkan risiko pertindihan data dan peranan sistem:
 - Maklumat program pembangunan PKS boleh diperolehi secara langsung *real-time* oleh SCenIc; dan
 - Maklumat Pelaporan program daripada SMEIPA boleh disemak secara langsung melalui SCenIc (*check & balance*).



Rajah 1 : Arkitektur Sistem SMEIPA Online dan SCenIc Fasa 2

2. LATAR BELAKANG

- 2.1. Pada tahun 2009, SME Corp. Malaysia telah diberi mandat sebagai Agensi Penyelaras Pusat (CCA) bagi keseluruhan pembangunan PKS, dipertanggungjawabkan untuk menyelaras, memantau dan menilai keberkesanan, kemajuan dan pencapaian program-program pembangunan PKS melalui Pelan Tindakan Bersepadu PKS (SMEIPA). Manakala SME Central Incentives System (SCenlc) merupakan pangkalan data bersepadu yang terdiri daripada senarai penerima insentif dan bantuan kewangan yang disediakan oleh Kerajaan sebagai rujukan kepada Kementerian dan agensi untuk membuat keputusan bermaklum (*informed decisions*) untuk pengagihan sumber / insentif yang berkesan.
- 2.2. SMEIPA Online: Profil Insentif dan Perincian
 - i. SMEIPA Online merupakan sistem sedia ada dengan fungsi asas yang telah dibangunkan untuk menjana pelaporan dan analisa prestasi program pembangunan PKS dan keusahawanan yang dilaksanakan oleh Kementerian dan agensi; dan
 - ii. SMEIPA Online – Fasa I – sistem asas telah dibangunkan secara dalaman pada Oktober 2017 menggunakan platform java dan pangkalan data MySQL. Sistem ini ditempatkan di pusat data SME Corp. Malaysia.
- 2.3. SCenlc - Profil Penerima Bantuan dan Perincian
 - i. SCenlc merupakan sistem sedia ada yang menyimpan profil penerima bantuan Kerajaan berdasarkan program pembangunan PKS yang dilaporkan oleh Kementerian dan agensi melalui SMEIPA Online;
 - ii. Profil dan perincian maklumat bantuan diperolehi melalui integrasi dengan Sistem Maklumat EKS (SMIKS) (bagi profil) dan melalui templat Microsoft Excel yang dimuatnaik oleh pengguna di kalangan Kementerian dan agensi; dan
 - iii. SCenlc – Fasa I telah dibangunkan secara *outsource* dan siap pada Jun 2018. Menggunakan platform PHP dan pangkalan data MySQL. Sistem ini masih dalam tempoh jaminan sehingga Jun 2020 dan di tempatkan di Pusat Data Sektor Awam (PDSA), MAMPU. Sistem ini menggunakan persian Tableau untuk modul *dashboard* dan laporan.
- 2.4. Kedua-dua sistem merupakan mekanisma untuk memberi gambaran keseluruhan mengenai landskap, prestasi dan keberkesanan program pembangunan PKS yang telah dilaksanakan oleh 17 Kementerian dan lebih daripada 60 Agensi yang terlibat. Selain daripada itu, SMEIPA Online juga merangkumi program pembangunan PKS yang dirancang akan dilaksanakan pada tahun semasa. Pengguna kepada sistem ini adalah Kementerian dan Agensi yang terlibat.
- 2.5. Kedua-dua sistem ini berfungsi secara *stand alone system*.

3. PELAKSANAAN FASA II

- 3.1. Pelaksanaan Fasa II hendaklah menepati keperluan yang telah dinyatakan di Klausu 1: Objektif iaitu:
- i. Kedua-dua sistem SMEIPA dan SCenlc perlu dijadikan sebagai satu platform tunggal bagi pengurusan maklumat, perincian dan pelaporan berhubung program pembangunan PKS di Malaysia termasuk profil penerima bantuan kerajaan;
 - ii. penambahbaikan fungsi modul sedia ada di samping penambahbaikan fungsi baharu bagi kedua-dua sistem (seperti di Jadual di bawah);
 - iii. Peningkatan keselamatan platform dari risiko ancaman siber;
 - iv. Penjanaan laporan adalah mengikut formula yang telah ditetapkan (*auto generate report*); dan
 - v. Penambahbaikan untuk memastikan bahawa sistem pelaporan Pelan Tindakan Bersepadu PKS (SMEIPA) dapat memantau perancangan dan pelaksanaan program dengan cekap dengan memberi tumpuan kepada pelaporan *business intelligence* (BI).
- 3.2. Platform ini juga hendaklah bersedia untuk menerima membuat sebarang perubahan ke atas sistem seperti yang dikehendaki oleh SME Corp. Malaysia sepanjang tempoh pembangunan sistem tanpa sebarang penambahan kos. Perubahan ini termasuklah dari segi pemegang taruh (Kementerian dan Agensi) serta pelaporan (yang melibatkan maklumat baru) yang mungkin diperlukan di masa akan datang.

BIL.	SPESIFIKASI MINIMUM	TANDAKAN (✓ ATAU X) BAGI SKOP KERJA DIPERSETUJUI	KETERANGAN (MESTI NYATAKAN SECARA TERPERINCI) *
	SEKSYEN 1: SYARAT-SYARAT AM MANDATORI		
1.1.	SKOP KERJA		
1.1.1.	Penyebutharga MESTI mengkaji, merekabentuk, membangun, membekal, menguji dan mentauliah SMEIPA Online dan SCenlc.		
1.1.2.	Penyebutharga MESTI menjalankan kajian, analisa keperluan dan rekabentuk sistem secara terperinci berpandukan spesifikasi yang dinyatakan.		
1.1.3.	Penyebutharga MESTI memastikan SMEIPA Online dan SCenlc yang akan dibangunkan boleh berfungsi mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan, menggunakan perkakasan dan perisian sedia ada yang dibekalkan.		
1.1.4.	Penyebutharga MESTI melaksanakan <i>regression testing</i> untuk kesemua ralat yang diperbetulkan dan memastikan semua masalah yang dilaporkan diuji dan ditutup, serta bersetuju ke lokasi pengguna (mengikut keperluan) semasa dalam tempoh jaminan.		
1.1.5.	Penyebutharga MESTI membekalkan kemahiran teknikal, nasihat, cadangan, laporan, garis panduan dan aliran kerja untuk projek mengikut keperluan ICT di dalam persekitaran yang dinamik pada SME Corp. Malaysia.		

BIL.	SPESIFIKASI MINIMUM	TANDAKAN (✓ ATAU X) BAGI SKOP KERJA DIPERSETUJUI	KETERANGAN (MESTI NYATAKAN SECARA TERPERINCI) *
1.2.	DOKUMEN CADANGAN KONSEP SISTEM		
1.2.1.	Penyebutharga MESTI menyediakan cadangan konsep sistem aplikasi termasuk senibina sistem yang mengambil kira kebolehsediaan (<i>availability</i>) yang tinggi, keselamatan sistem yang mantap dan berprestasi tinggi serta <i>customer focus</i> .		
1.3.	JADUAL PELAKSANAAN		
1.3.1.	Tempoh pelaksanaan projek adalah selama 18 bulan (12 bulan untuk pembangunan sistem dan 6 bulan untuk pengujian sistem) daripada penerimaan Surat Setuju Terima bagi melengkapkan proses pelaporan data dan penjanaan laporan. Penyebutharga perlu menyediakan Carta Perbatuan untuk segala kerja yang akan dilaksanakan beserta jangka masa perlaksanaan.		
1.3.2.	Penyebutharga MESTI bersedia untuk membuat sebarang perubahan ke atas sistem seperti yang dikehendaki oleh SME Corp. Malaysia sepanjang tempoh pembangunan sistem tanpa sebarang penambahan kos.		
1.4.	PENGURUSAN PROJEK		
1.4.1.	Penyebutharga MESTI mengemukakan cadangan pasukan untuk tujuan melaksanakan projek ini dengan menyatakan bilangan tenaga kerja, bidang tugas dan pengalaman masing-masing sekurang-kurangnya tiga (3) tahun di dalam bidang yang terlibat seperti yang berikut:		

BIL.	SPESIFIKASI MINIMUM	TANDAKAN (✓ ATAU X) BAGI SKOP KERJA DIPERSETUJUI	KETERANGAN (MESTI NYATAKAN SECARA TERPERINCI) *
	<p>Melaksanakan tugas-tugas Pejabat Pengurusan Projek (<i>Project Management Office - PMO</i>) yang bertanggungjawab mentadbir dan memantau pelaksanaan projek secara keseluruhan termasuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Penyediaan laporan; ii. Penyelarasian tuntutan kewangan; iii. Pemantauan pengurusan risiko; iv. Pemantauan pengurusan perubahan; dan v. Pemantauan pengurusan kualiti. <p>Struktur PMO perlu merangkumi:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pengurus projek (merupakan pengurus projek bertauliah); dan ii. Pegawai teknikal sistem: <ul style="list-style-type: none"> - Melaksanakan pembangunan sistem mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan. - Menyelesaikan isu-isu berbangkit dan masalah berkenaan ketika pembangunan sistem. <p>Kelayakan dan kemahiran staf yang terlibat mestilah disokong oleh sijil yang sah. Sila sertakan resume setiap anggota pasukan projek yang dicadangkan.</p>		
1.4.2.	Pasukan projek yang terlibat mestilah bekerja secara langsung dengan kakitangan SME Corp. Malaysia.		
1.4.3.	<p>Penyebutharga MESTI melaporkan kemajuan projek kepada pihak SME Corp. Malaysia mengikut kategori pelaporan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Laporan kemajuan bulanan ii. Laporan projek suku tahunan; dan iii. Apa-apa laporan kemajuan yang dipohon dari semasa ke semasa. 		

BIL.	SPESIFIKASI MINIMUM	TANDAKAN (✓ ATAU X) BAGI SKOP KERJA DIPERSETUJUI	KETERANGAN (MESTI NYATAKAN SECARA TERPERINCI) *
1.5.	JAMINAN DAN SOKONGAN		
1.5.1.	Penyebutharga MESTI menyediakan khidmat penyelenggaraan, sokongan dan jaminan (<i>warranty</i>) terhadap perisian sistem dalam tempoh 12 bulan bermula dari tarikh Penerimaan Akhir (<i>Final Acceptance</i>).		
1.5.2.	Penyebutharga MESTI memberi sokongan teknikal dan baikpulih secara berterusan kepada SME Corp. Malaysia setiap hari dalam tempoh jaminan (termasuk hari minggu dan cuti am), selama 8 jam iaitu dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang tanpa sebarang kos tambahan.		
1.5.3.	Penyebutharga MESTI mempunyai Pusat Perkhidmatan Pelanggan (<i>Helpdesk</i>) di Lembah Klang yang boleh dihubungi melalui telefon dan e-mel untuk sebarang aduan kerosakan. <i>Helpdesk</i> hendaklah beroperasi sekurang-kurangnya 8.30 pagi – 5.30 petang waktu bekerja.		
1.6.	PENGUJIAN SISTEM		
1.6.1.	Penyebutharga MESTI melaksanakan kaedah pengujian seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> i. Pengujian unit / komponen; ii. Pengujian Integrasi (SIT); iii. Pengujian Sistem; dan iv. Pengujian Penerimaan <ul style="list-style-type: none"> - <i>User Acceptance Test (UAT)</i>; - <i>Provisional Acceptance Test (PAT)</i>; 		

BIL.	SPESIFIKASI MINIMUM	TANDAKAN (✓ ATAU X) BAGI SKOP KERJA DIPERSETUJUI	KETERANGAN (MESTI NYATAKAN SECARA TERPERINCI) *
	<ul style="list-style-type: none"> - <i>Pre Final Acceptance Test (Pre FAT);</i> dan - <i>Final Acceptance Test (FAT);</i> <p>Segala kos semasa pengujian dilaksanakan akan ditanggung oleh penyebutharga.</p>		
1.6.2.	Penyebutharga MESTI menyediakan persekitaran pengujian, pelan pengujian, skrip pengujian, set data pengujian dan laporan pengujian yang diperlukan semasa pengujian berdasarkan tarikh yang telah dipersetujui oleh SME Corp. Malaysia.		
1.6.3.	Penyebutharga juga hendaklah memastikan tiada sebarang ralat (<i>error</i>) program dengan menjalankan pengujian sebelum diserahkan kepada SME Corp. Malaysia.		
1.6.4.	Penyebutharga MESTI membuat tindakan pembetulan ke atas semua masalah / kesilapan yang dilaporkan semasa pengujian. Penyebutharga perlu melaksanakan <i>regression testing</i> untuk kesemua ralat yang diperbetulkan dan memastikan semua masalah yang dilaporkan telah diuji dan ditutup.		
1.6.5.	Kesemua pengujian yang dibuat hendaklah direkodkan dan disahkan dan ditandatangani oleh SME Corp. Malaysia.		
1.7.	PEMINDAHAN TEKNOLOGI (ToT) DAN LATIHAN		
1.7.1.	Penyebutharga MESTI menyediakan dan melaksanakan program latihan yang berkaitan dengan projek ini kepada para pengguna akhir (<i>end-users</i>) SME Corp. Malaysia iaitu:		

BIL.	SPESIFIKASI MINIMUM				TANDAKAN (✓ ATAU X) BAGI SKOP KERJA DIPERSETUJUI	KETERANGAN (MESTI NYATAKAN SECARA TERPERINCI) *
	No.	Nama latihan	Bil. sesi	Bi. peserta		
	1.	Latihan kepada pengguna sistem SCENIC (<i>End User</i>) SME Corp. Malaysia dan Kementerian & Agensi bertempat di SME Corp. Malaysia	2	50		
	2.	Latihan kepada pengguna sistem SMEIPA (<i>End User</i>) SME Corp. Malaysia dan Kementerian & Agensi bertempat di SME Corp. Malaysia	2	50		
	3.	Latihan <i>System Administrator</i>	1	10		
	4.	Latihan teknikal dan ToT kepada pegawai teknikal bagi perisian yang digunakan :				
	i)	pangkalan data	1	6		
	ii)	perisian server aplikasi	1	6		
	iii)	perisian BI	1	6		
	iv)	source code, framework dan bahasa pengaturcaraan yang digunakan	1	6		
	v)	sokongan teknikal kepada sistem	1	6		
	Jumlah		10	140		

BIL.	SPESIFIKASI MINIMUM	TANDAKAN (✓ ATAU X) BAGI SKOP KERJA DIPERSETUJUI	KETERANGAN (MESTI NYATAKAN SECARA TERPERINCI) *
1.7.2.	Semua kos termasuk makan dan minum bagi sesi latihan dan ToT pengguna adalah tanggungjawab penyebutharga yang berjaya.		
1.7.3.	Latihan dan ToT MESTI daripada tenaga pengajar yang bertauliah. Setiap latihan dan ToT yang disediakan MESTI diberi sijil kehadiran.		
1.8.	DOKUMENTASI DAN LAPORAN		
1.8.1.	<p>Penyebutharga perlu menyediakan dokumentasi dan laporan seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Spesifikasi Keperluan Pengguna (<i>User Requirement Specification - URS</i>); ii. <i>System Functional Specification (SFS)</i>; iii. <i>System Design Specification (SDS)</i>; iv. Manual Pengguna Akhir (mengikut tahap capaian pengguna); v. Manual Pentadbiran Sistem, Pangkalan Data dan Server; vi. Dokumentasi <i>User Acceptance Test (UAT)</i>; vii. Dokumentasi <i>Provisional Acceptance Test (PAT)</i>; viii. Dokumentasi <i>Final Acceptance Test (FAT)</i>; ix. <i>Sijil Final Acceptance</i>; x. Kamus data (<i>Data Dictionary</i>); xi. Laporan status projek; xii. Minit mesyuarat; dan xiii. Lain-lain dokumentasi yang berkaitan bagi sistem ini. 		

BIL.	SPESIFIKASI MINIMUM	TANDAKAN (✓ ATAU X) BAGI SKOP KERJA DIPERSETUJUI	KETERANGAN (MESTI NYATAKAN SECARA TERPERINCI) *
1.8.2.	Semua dokumentasi akan menjadi Hak Milik Kerajaan (SME Corp. Malaysia) dan MESTI diserahkan kepada SME Corp. Malaysia dalam bentuk dan format asal yang dipersetujui. Dua (2) salinan <i>hardcopy</i> dan dua (2) salinan <i>editable softcopy</i> .		
1.8.3.	Dokumentasi MESTI disahkan oleh pihak SME Corp. Malaysia sebelum diserahkan.		
SEKSYEN 2: SPESIFIKASI SISTEM APLIKASI			
2.1.	KEPERLUAN AM		
2.1.1.	Penyebutharga perlu memastikan sistem yang ditambahbaik dengan mempunyai ciri-ciri keselamatan seperti <i>validation check</i> , tahap capaian pengguna kepada modul-modul tertentu berdasarkan kata nama dan kata laluan, menghalang pengemaskinian rekod yang sama oleh dua (2) atau lebih pengguna, memastikan kata nama dan kata laluan yang sama tidak boleh digunakan oleh dua (2) atau lebih pengguna dalam satu masa yang sama, <i>audit trail</i> dan lain-lain bagi memastikan integriti sistem.		
2.1.2.	Sistem yang dibangunkan hendaklah memasukkan elemen-elemen <i>secured programming</i> di dalam pembangunan sistem.		
2.1.3.	Penyebutharga perlu <i>encrypt</i> kata laluan pengguna dalam sistem.		
2.1.4.	Melaksana <i>expiry session</i> sekiranya sistem dibiarkan / tidak digunakan pada jangka masa tertentu yang akan ditetapkan semasa sesi URS.		

BIL.	SPESIFIKASI MINIMUM	TANDAKAN (✓ ATAU X) BAGI SKOP KERJA DIPERSETUJUI	KETERANGAN (MESTI NYATAKAN SECARA TERPERINCI) *
2.1.5.	<p><i>Login</i> dan <i>Logout</i></p> <p>Pengguna yang berdaftar sahaja boleh <i>login</i> ke dalam sistem dengan memasukkan kata nama dan kata laluan. Akses kepada sistem adalah mengikut tahap capaian yang dibenarkan bagi pengguna tersebut.</p> <p>Catatan:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pendaftaran pengguna baharu menggunakan 'captcha'; ii. Memastikan kata nama (<i>user id</i>) yang sama tidak boleh digunakan oleh dua (2) atau lebih pengguna dalam satu masa yang sama; dan iii. Mengadakan kemudahan bagi pengguna untuk <i>reset password</i> sekiranya pengguna lupa <i>user id</i> / katalaluan. Sistem akan jana notifikasi emel secara automatik kepada pengguna untuk makluman. 		
2.1.6.	<p>Akses kepada Maklumat</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Sistem mempunyai keupayaan untuk membolehkan carian cepat (<i>search</i>); ii. Sistem mempunyai keupayaan untuk mempunyai fungsi carian terperinci. Contoh: <i>Filter</i>, <i>Keyword</i>, <i>dropdownlist</i>, <i>begin with</i> dan <i>end with</i>; iii. Sistem mempunyai keupayaan untuk menyediakan hasil carian dalam senarai dan diletakkan berdasarkan relevan; iv. Sistem mempunyai keupayaan untuk memaparkan keputusan carian mengikut susunan abjad secara menaik atau menurun; v. Sistem mempunyai keupayaan untuk membolehkan fungsi <i>Wild Card</i> semasa carian. 		

BIL.	SPESIFIKASI MINIMUM	TANDAKAN (✓ ATAU X) BAGI SKOP KERJA DIPERSETUJUI	KETERANGAN (MESTI NYATAKAN SECARA TERPERINCI) *
2.1.7.	<p>Pemberitahuan (<i>Notification</i>), Peringatan (<i>Reminder</i>) dan Amaran (<i>Alert</i>)</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Sistem mempunyai keupayaan untuk menghantar email kepada pengguna bagi tujuan pemberitahuan, peringatan dan amaran; ii. Sistem mempunyai keupayaan untuk konfigurasi mesej-mesej yang diperlukan berdasarkan tujuan yang dinyatakan di atas; iii. Sistem mempunyai keupayaan untuk menghantar mesej secara manual atau automatik berdasarkan prasyarat yang ditetapkan bagi fungsi automatik; dan iv. Sistem mempunyai keupayaan untuk menghantar mesej berdasarkan jadual yang dikonfigurasi oleh pengguna sistem. 		
2.1.8.	<p>Penyebutharga MESTI menggunakan struktur pangkalan data mengikut piawaian <i>Data Dictionary</i> Sektor Awam (DDSA) yang diselenggarakan oleh MAMPU.</p> <p>Rujukan di url: http://sddsa.mampu.gov.my/</p>		
2.1.9.	Penyebutharga MESTI memastikan proses penambahbaikan sistem aplikasi adalah <i>compatible</i> dalam pelbagai jenis pelayar (<i>browser</i>) utama iaitu IE, Mozilla, Chrome, Safari dan <i>mobile responsive</i> .		
2.1.10.	SME Corp. Malaysia juga berhak untuk menambah komponen / subkomponen yang dinyatakan di atas dengan tidak melibatkan sebarang pertambahan kos kepada SME Corp. Malaysia. Pertambahan komponen / subkomponen ini boleh dibuat oleh SME Corp. Malaysia semasa penambahbaikan SMEIPA Online dan SCenlc.		

BIL.	SPESIFIKASI MINIMUM	TANDAKAN (✓ ATAU X) BAGI SKOP KERJA DIPERSETUJUI	KETERANGAN (MESTI NYATAKAN SECARA TERPERINCI) *
2.2.	PERKHIDMATAN MEMASANG SECURE SOCKET LAYER (SSL)		
2.2.1.	Sistem perlu menggunakan https <i>Secure Socket Layer (SSL)</i> URL menggunakan <i>Digital Certificate</i> yang disediakan oleh SME Corp Malaysia.		
2.3.	PERKHIDMATAN MIGRASI DATA		
2.3.1.	Penyebutharga MESTI melakukan kerja-kerja migrasi data berkaitan yang sedia ada seperti maklumat profil kementerian dan agensi, profil program pembangunan PKS, profil syarikat dan insentif dalam bentuk excel atau lain format ke dalam pangkalan data SMEIPA Online dan SCenlc serta melaksanakan proses <i>backup</i> yang bersesuaian sebelum proses migrasi data dijalankan.		
2.3.2.	Penyebutharga MESTI menyediakan antaramuka kemaskini maklumat tambahan atau kekangan data migrasi sebelum di pindahkan ke pangkalan data SMEIPA Online dan SCenlc.		
2.3.3.	Penyebutharga MESTI mendapatkan pengesahan kesahihan bagi kerja-kerja pembersihan data (<i>integriti data</i>). Penyebutharga perlu memastikan dan menyemak data sedia ada supaya kerja-kerja migrasi tidak tergendala atau <i>error</i> akan berlaku.		
2.3.4.	Penyebutharga MESTI menyediakan Laporan Akhir Migrasi Data.		
2.4.	FUNGSI SISTEM YANG TERLIBAT		
2.4.1.	Penyebutharga perlu menambahbaik fungsi bagi kedua-dua sistem (SMEIPA Online dan SCenlc) di dalam satu platform. Fungsi ini merangkumi bagi kedua-dua sistem setiap satu iaitu:		

BIL.	SPESIFIKASI MINIMUM	TANDAKAN (✓ ATAU X) BAGI SKOP KERJA DIPERSETUJUI	KETERANGAN (MESTI NYATAKAN SECARA TERPERINCI) *
	<ul style="list-style-type: none"> • Modul Admin / Urus Setia SME Corp Malaysia.; • Modul Pengguna / Kementerian & Agensi; • Modul Pemantauan; • Modul Laporan dan Analisa; dan • Modul Help Desk. 		
2.5	PERKHIDMATAN MEMBANGUN SEMULA / MENAMBAHBAIK SISTEM SMEIPA ONLINE		
2.5.1.	Penyebutharga perlu membangunkan / menambahbaik sistem SMEIPA menggunakan platform sistem SCENIC sedia ada.		
2.5.2.	<p>Penyebutharga perlu membangunkan / menambahbaik modul <i>admin</i> seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. <i>Dashboard</i>; ii. <i>User workspace</i>; iii. Pengurusan <i>Master Setup</i> untuk penggunaan SMEIPA Online; iv. Pengurusan akaun pengguna (<i>unlimited user account</i>) dan hak capaian mengikut kumpulan pengguna dan / atau akaun pengguna; v. <i>Audit trail</i>; vi. <i>User access log</i>; vii. Pengurusan profil Kementerian dan Agensi; viii. Pengurusan profil program pembangunan PKS yang meliputi: <ul style="list-style-type: none"> • objektif program; 		

BIL.	SPESIFIKASI MINIMUM	TANDAKAN (✓ ATAU X) BAGI SKOP KERJA DIPERSETUJUI	KETERANGAN (MESTI NYATAKAN SECARA TERPERINCI) *
	<ul style="list-style-type: none"> • bidang tumpuan dan subbidang tumpuan (berdasarkan Pelan Induk PKS (2012-2020) dan Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN2030); • sumber dana (DE, OE, Swasta, <i>revolving</i>, baru); • kumpulan sasaran; • <i>business stage</i>; • status program; • sektor; dan • Impact Analysis Framework on SME Development Programme (IAFSP). <p>ix. Modul Pemantauan;</p> <p>x. Modul Laporan dan Alalisa; dan</p> <p>xi. Modul <i>Help Desk</i>.</p> <p>(SME Corp. Malaysia berhak menambah / mengubah sebarang Modul mengikut kesesuaian sepanjang tempoh pembangunan sistem tanpa penambahan sebarang kos.)</p>		
2.5.3.	<p>Penyebutharga perlu membangunkan modul pengguna seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. <i>Dashboard</i>; ii. <i>User Workspace</i>; (Perincian fungsi dinyatakan); iii. <i>Task List</i>; iv. Laporan dan senarai program di bawah Kementerian / Agensi terbabit dengan fungsi carian dan boleh memaparkan profil lengkap program termasuk objektif, tahun pelaksanaan, nama program, bidang tumpuan, sumber dana, kumpulan sasaran, 		

BIL.	SPESIFIKASI MINIMUM	TANDAKAN (✓ ATAU X) BAGI SKOP KERJA DIPERSETUJUI	KETERANGAN (MESTI NYATAKAN SECARA TERPERINCI) *
	<p><i>business stage</i> dan sektor serta maklumat berkaitan. Ianya boleh dipindahkan ke dalam bentuk Microsoft Excel dan pdf serta berupaya untuk dicetak melalui fungsi <i>Printer-friendly</i>;</p> <p>v. Carian adalah berdasarkan nama Kementerian / Agensi, tahun pelaksanaan, nama program, bidang tumpuan, sumber dana, kumpulan sasaran, <i>business stage</i> dan sektor;</p> <p>vi. <i>User Profile</i>;</p> <p>vii. Modul kemasukan data program; dan</p> <p>viii. Laporan yang dijana adalah mengikut formula yang telah ditetapkan (<i>auto generate report</i>); dan</p> <p>ix. Penambahbaikan untuk memastikan bahawa sistem pelaporan Pelan Tindakan Bersepadu PKS (SMEIPA) dapat memantau perancangan dan pelaksanaan program dengan cekap dengan memberi tumpuan kepada pelaporan.</p> <p>(SME Corp. Malaysia berhak menambah / mengubah sebarang Modul mengikut kesesuaian sepanjang tempoh pembangunan sistem tanpa penambahan sebarang kos.)</p>		
2.5.4.	<p>Penyebutharga perlu membangunkan Modul Pemantauan seperti yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. <i>Admin</i> untuk mendapat makluman berkenaan status kemasukan data daripada Kementerian dan Agensi) <ul style="list-style-type: none"> • Senarai kemasukan data makluman program bagi perancangan, pencapaian dan semakan (<i>mid term review</i>) oleh Kementerian dan Agensi; dan • Pemantauan status kemasukan data maklumat program bagi perancangan, pencapaian dan semakan (<i>mid term review</i>) 		

BIL.	SPESIFIKASI MINIMUM	TANDAKAN (✓ ATAU X) BAGI SKOP KERJA DIPERSETUJUI	KETERANGAN (MESTI NYATAKAN SECARA TERPERINCI) *
	<p>oleh Kementerian dan Agensi.</p> <p>(SME Corp. Malaysia berhak menambah / mengubah sebarang Modul mengikut kesesuaian sepanjang tempoh pembangunan sistem tanpa penambahan sebarang kos.)</p>		
2.5.5.	<p>Penyebutharga perlu membangunkan Modul Laporan dan Analisa seperti yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Analisa trend mengikut profil seperti item 2.5.1 (vi dan vii), tahun pelaksanaan, ii. Analisa perbandingan pelaksanaan berdasarkan tahun pelaksanaan, trend dan pelaksana, iii. Analisa trend dan perbandingan bagi pencapaian IAFSP; iv. Perancangan: Senarai ringkasan bilangan program, jumlah peruntukan dan bilangan PKS dan usahawan yang akan mendapat manfaat; dan v. Pencapaian: Senarai ringkasan bilangan program, jumlah perbelanjaan dan bilangan PKS dan usahawan yang mendapat manfaat. <p>Laporan boleh dijana ke dalam bentuk pdf dan Microsoft Excel serta dalam bentuk <i>printer friendly</i>.</p> <p>(SME Corp. Malaysia berhak menambah / mengubah sebarang Modul mengikut kesesuaian sepanjang tempoh pembangunan sistem tanpa penambahan sebarang kos.)</p>		
2.5.6.	Penyebutharga perlu membangunkan Modul <i>Helpdesk</i> iaitu merekod dan pengurusan masalah teknikal sistem yang dilaporkan pengguna.		

BIL.	SPESIFIKASI MINIMUM	TANDAKAN (✓ ATAU X) BAGI SKOP KERJA DIPERSETUJUI	KETERANGAN (MESTI NYATAKAN SECARA TERPERINCI) *
	(SME Corp. Malaysia berhak menambah / mengubah sebarang Modul mengikut kesesuaian sepanjang tempoh pembangunan sistem tanpa penambahan sebarang kos.)		
2.5.7.	Penyebutharga perlu membangunkan modul <i>Online Help</i> sebagai panduan pengguna semasa menggunakan sistem.		
2.5.8.	Penyebutharga perlu membangunkan modul <i>Helpdesk System</i> bagi tujuan laporan sebarang masalah yang dihadapi oleh pengguna sistem kepada pentadbir sistem.		
2.5.9.	Penyebutharga perlu membangunkan fungsi untuk merekod log bagi setiap aktiviti yang dilakukan oleh pengguna untuk pemantauan oleh <i>Admin</i> .		
2.5.10.	Penyebutharga MESTI membangunkan fungsi <i>Dashboard</i> yang akan berfungsi sebagai halaman utama untuk pengguna, iaitu rumusan kepada program-program pembangunan PKS oleh Kementerian & Agensi.		
2.5.11.	<p>Penyebutharga juga MESTI menyediakan contoh skrin <i>dashboard</i> yang akan dibangunkan. Ciri-ciri yang perlu ada pada <i>dashboard</i> adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Mesra pengguna; ii. Interaktif; iii. Persembahan yang menarik; iv. Mudah diakses; dan v. Berkeupayaan untuk <i>drill-down</i>. 		

BIL.	SPESIFIKASI MINIMUM	TANDAKAN (✓ ATAU X) BAGI SKOP KERJA DIPERSETUJUI	KETERANGAN (MESTI NYATAKAN SECARA TERPERINCI) *
2.5.12.	Penyebutharga MESTI membangunkan komponen Laporan yang akan berfungsi untuk memberi kemudahan kepada pengguna sistem dalam penghasilan, penjanaan laporan dan paparan seperti di <u>Lampiran 1</u> .		
2.5.13.	Jenis / format laporan mampu dihasilkan sama ada dalam bentuk jadual, statistik, rajah (seperti bar, pie, line dan lain-lain) dan gabungan kedua-duanya.		
2.5.14.	<p>Antara ciri-ciri yang perlu ada dalam penghasilan modul dashboard adalah:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Bersifat dinamik yang memudahkan pengguna menghasilkan sesuatu laporan mengikut keperluan pengguna; ii. Laporan yang dijana juga mudah untuk kerja-kerja peningkatan dan penambahan pada masa akan datang; iii. Laporan yang dihasilkan berupaya untuk dimuat turun kepada format yang bersesuaian; iv. Laporan yang dihasilkan berupaya untuk dicetak melalui fungsi <i>Printer-friendly</i>; dan v. Mempunyai kemudahan drill-down dalam penghasilan laporan. 		
2.5.15.	Walau bagaimanapun keseluruhan laporan akan di tetapkan semasa sesi URS.		
2.6	PENAMBAHBAIKAN SCENIC		
2.6.1.	Penyebutharga MESTI membangunkan fungsi penghapusan data dalam senarai yang spesifik dan fungsi penghapusan data yang telah diterbitkan hanya untuk pengguna Admin.		

BIL.	SPESIFIKASI MINIMUM	TANDAKAN (✓ ATAU X) BAGI SKOP KERJA DIPERSETUJUI	KETERANGAN (MESTI NYATAKAN SECARA TERPERINCI) *
2.6.2.	Penyebutharga MESTI membuat pautan di <i>Summary My Task</i> .		
2.6.3.	Penyebutharga MESTI membangunkan fungsi penghapusan data <i>beneficiary</i> yang bertindih bagi pengguna <i>Admin</i> .		
2.6.4.	Penyebutharga MESTI membangunkan fungsi jejak audit berdasarkan kemaskini maklumat profil syarikat (nama pengguna, tarikh, masa dan senarai syarikat yang dikemaskini).		
2.6.5.	Penyebutharga MESTI memastikan fungsi Laporan dan <i>Dashboard</i> dikemaskini berdasarkan maklumat terkini secara ' <i>real time</i> ' dan boleh ditambahbaik sepanjang tempoh pembangunan sistem tanpa penambahan kos.		
2.6.6.	Penyebutharga mesti memastikan sistem menerima dan menggunakan format baru nombor pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (12 digit).		
2.6.7.	Penyebutharga MESTI mengemaskini mod pencarian serta fungsi menggunakan nombor rujukan pendaftaran perniagaan SSM yang terkini (12 digit).		
2.6.8.	Integrasi data program pembangunan usahawan dan PKS dengan sistem SMEIPA.		
2.6.9.	Penyebutharga mesti membangunkan fungsi <i>data cleaning (value added)</i> .		
2.6.10.	Menaiktaraf <i>framework</i> sistem sedia ada ke versi terkini (versi sedia ada PHP 5.0)		

BIL.	SPESIFIKASI MINIMUM	TANDAKAN (✓ ATAU X) BAGI SKOP KERJA DIPERSETUJUI	KETERANGAN (MESTI NYATAKAN SECARA TERPERINCI) *
2.6.11.	SME Corp. Malaysia berhak menambah / mengubah sebarang Modul mengikut kesesuaian sepanjang tempoh pembangunan sistem tanpa penambahan sebarang kos.		
2.7	PERKHIDMATAN MEMBANGUNKAN INTEGRASI		
2.7.1	Integrasi data profil dan rating dari sistem SCORE ke sistem SCENIC.		
2.8	PERKHIDMATAN MENGKONFIGURASI <i>DISASTER RECOVERY (DR)</i> DAN <i>DEVELOPMENT & TESTING SERVER</i> BAGI SISTEM SMEIPA & SCENIC		
2.8.1	Membuat pemasangan dan konfigurasi DR dan <i>Development & Testing Server</i> bagi sistem SMEIPA dan SCENIC di server DR (<i>development & backup server</i>) yang disediakan SME Corp. Malaysia		
SEKSYEN 3: SENIBINA SISTEM DAN PLATFORM PEMBANGUNAN			
3.1.	SENIBINA SISTEM		
3.1.1.	Sistem yang dibangunkan mestilah berasaskan web menggunakan konsep dan perisian <i>Open Source</i> (perisian adalah atas cadangan penyebutharga, tetapi keutamaan akan diberikan kepada penyebutharga yang mencadangkan <i>Framework Code Ignitor</i> dan mestilah serasi dengan perkakasan dan perisian sedia ada di SME Corp. Malaysia).		
3.1.2.	Penyebutharga MESTI membina sistem yang menyokong akses melalui telefon pintar (<i>mobile responsive</i>) serta tidak terhad kepada platform Android dan iOS.		

BIL.	SPESIFIKASI MINIMUM	TANDAKAN (✓ ATAU X) BAGI SKOP KERJA DIPERSETUJUI	KETERANGAN (MESTI NYATAKAN SECARA TERPERINCI) *
3.2.	PLATFORM PEMBANGUNAN		
3.2.1.	Penyebutharga MESTI memastikan semua protokol yang digunakan di dalam pembangunan sistem adalah secara <i>open standard</i> bagi memastikan <i>interoperability</i> .		
3.2.2.	Penyebutharga MESTI menggunakan server aplikasi, server penguji dan server pangkalan data sedia ada yang terdapat di SME Corp. Malaysia.		
SEKSYEN 4 : PEROLEHAN PERISIAN SISTEM APLIKASI			
4.1.	Perolehan lima (5) unit perisian <i>reporting and analysis designer (user license)</i> bagi: <ol style="list-style-type: none"> <i>Interactive dashboard</i>; dan <i>Drag & drop features</i>. 		
SEKSYEN 5 : LAIN-LAIN PERKARA/TANGGUNGJAWAB			
5.1.	Sekiranya perisian atau perkhidmatan yang dinyatakan di atas tidak mencukupi / memenuhi (<i>insufficient</i>) keperluan projek, penyebutharga MESTI membekalkan perisian dan perkhidmatan tambahan yang sewajarnya mengikut kesesuaian (<i>deem necessary</i>) tanpa melibatkan sebarang kos untuk memastikan perlaksanaan projek berjaya.		
5.2.	Penyebutharga perlu memastikan semua dokumen yang berkaitan dengan kajian, pembangunan, pengujian, pelaksanaan sistem, ToT dan latihan pengguna sistem akan menjadi Hak Milik Kerajaan dan MESTI diserahkan kepada SME Corp. Malaysia dalam bentuk <i>hardcopy</i> dan <i>softcopy</i> .		

BIL.	SPESIFIKASI MINIMUM	TANDAKAN (✓ ATAU X) BAGI SKOP KERJA DIPERSETUJUI	KETERANGAN (MESTI NYATAKAN SECARA TERPERINCI) *
5.3.	Penyebutharga perlu memastikan kod program (<i>source code</i>) MESTI disahkan oleh pihak SME Corp. Malaysia sebelum diserahkan dalam bentuk <i>readable (non-encrypted)</i> dan dalam medium yang akan dipersetujui.		
5.4.	Semua data dan <i>material</i> di dalam projek ini adalah Hak Milik Kerajaan.		

* sila nyatakan di ruangan ini jika terdapat maklumat tambahan berkaitan tawaran yang dikemukakan atau kemukakan kertas cadangan tambahan jika ruang tidak mencukupi

Saya / Kami memperakui maklumat yang diberikan adalah benar.


.....
Nama :

Jawatan :

Tarikh :

Cop Syarikat :

Lampiran 1



Nota :

- * Statistic hendaklah merangkumi bilangan program, Peruntukan/perbelanjaan dan bilangan penerima manfaat.
- **List of programmes hendaklah merangkumi Peruntukan/perbelanjaan dan bilangan penerima manfaat.
- *** Performance hendaklah merangkumi nama Kementerian & Agensi berserta Peruntukan/perbelanjaan.